

24 MAY 2003

Ling-Jawatan/I

DR LING TAK TANDING DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Bekas presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini mengesahkan bahawa beliau tidak akan mempertahankan kerusi Parlimen Labis di Johor yang diwakilinya sejak 1986 pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya umum tetapi akan membantu penduduk kawasan Parlimen Labis membuat persiapan menghadapi pilihan raya nanti.

Bagaimanapun, katanya jawatan Menteri Pengangkutan yang disandangnya sekarang adalah prerogatif mutlak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau dilantik sebagai Menteri Pengangkutan menggantikan Tan Sri Chong Hon Hyan yang bersara pada tahun 1986.

Dr Ling meletakkan jawatan presiden MCA semalam bersama timbalannya Datuk Seri Lim Ah Lek selaras dengan pelan damai yang dicadangkan oleh Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) bagi meredakan perbalahan dalaman parti itu sejak tiga tahun lalu.

Dr Ling, 59, berkata demikian pada sidang media bagi menerangkan peralihan kuasa kepemimpinan di Wisma MCA di sini.

Dr Ling, yang menggantikan Tan Koon Swan pada 3 Sept 1986, sebagai presiden MCA, berkata beliau meninggalkan parti itu dengan penuh kegembiraan tanpa sebarang kesal selepas memimpinnya selama 17 tahun.

Katanya beliau meninggalkan MCA selepas pengganti pemimpin parti diputuskan dan dengan pencapaian parti yang lebih baik.

"Apabila saya mengambil alih parti pada tahun 1986, ia adalah parti bankrap, akhbar The Star (akhbar Inggeris yang dimiliki oleh MCA) diletakkan dalam tanggungan dan masalah koperasi (naungan MCA). Tetapi dengan bantuan pemimpin MCA dan anggota, kami mampu menyelesaikan semua masalah itu," katanya.

Dr Ling diganti oleh naib presiden Datuk Seri Ong Ka Ting manakala timbalannya ialah seorang lagi naib presiden Datuk Chan Kong Choy.

"MCA kini bernilai lebih satu bilion ringgit dan bebas dari hutang bank sementara The Star mampu mempelbagaikan perniagaan mereka termasuk mengadakan usaha niaga dalam bidang media elektronik," kata Dr Ling.

Pada sidang media yang dihadiri Ong dan setiausaha agung Datuk Seri Dr Ting Chew Peh itu, Dr Ling menerangkan kejayaan parti dalam melaksanakan projek pendidikan seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) dan projek pendidikan Langkawi.

Mengenai proses mencari pengganti kepimpinan parti, beliau berkata mereka mampu merahsiakan proses itu selama ini.

Selepas beberapa mesyuarat secara rahsia, formula itu akhirnya diterima dan disahkan oleh jawatankuasa pusat (CC), katanya.

Ditanya sama ada pelantikan baru akan memecah belahkan parti, katanya, kepimpinan baru harus merapatkan hubungan kedua-dua puak yang wujud dalam parti.

Dr Ling berkata langkah seterusnya yang harus dilakukan ialah usaha kerjasama semua pihak dalam parti dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang serta membantu BN mengekalkan kemenangannya.

Ong pada sidang media itu berkata beliau akan mengekalkan semua anggota jawatankuasa pusat termasuk mereka yang sudah mengemukakan surat peletakan jawatan.

Sementara itu, MCA Wanita dalam satu kenyataan di sini melahirkan rasa

sedih atas peletakan jawatan Dr Ling dan Lim.

Sumbangan kedua-dua pemimpin itu selama ini bagaimanapun akan sentiasa dihargai, menurut kenyataan itu.

Wanita MCA berkata Dr Ling akan dikenang kerana memainkan peranannya menggalakkan hak sama rata wanita dengan kaum lelaki di dalam parti dan juga di dalam kerajaan.

Pergerakan itu meminta semua anggota mengenyepikan sebarang perbezaan dan bekerjasama ke arah perpaduan MCA.

-- BERNAMA

HM KHY DC RON